



LAPORAN LIPUTAN MEDIA
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA

TARIKH : 30 APRIL 2025 | 01 ZULKAEDAH 1446 H
HARI : RABU

BIL.	AGENSI MEDIA	TAJUK
1.	Sinar Harian	20 minit kejar kapal nelayan asing

Ringkasan Eksekutif

Pada **30 April 2025**, sebanyak **1** liputan media berkaitan Jabatan Perikanan Malaysia telah diterbitkan. Daripada jumlah tersebut, **0** liputan bersifat positif, **0** bersifat neutral, dan **1** liputan negatif direkodkan.

Disediakan oleh :

Unit Komunikasi Korporat
Jabatan Perikanan Malaysia

1.	Tajuk	20 minit kejar kapal nelayan asing
	Akhbar/Media	Sinar Harian
	Muka surat/capaian	24
	Kategori Liputan	Negatif

24 NEGERI
SINAR HARIAN • RABU 30 APRIL 2025

Sinar Harian TELUS & TULUS
KELANTAN MELAKA SELANGOR/KL
TELUS & TULUS • MATA DAN TELINGA RAKYAT • PEMACU PERUBAHAN

20 minit kejar kapal nelayan asing

SH, MS24

Tindakan penguatkuasaan terpaksa dilakukan selepas kru kapal enggan beri kerjasama

Oleh **HAZELEN LIANA KAMARUDIN PASIR PUTEH**

Tindakan kru kapal nelayan asing memcut cuba meninggalkan perairan negara sebaik menyedari kehadiran pihak berkuasa tidak berhasil apabila berjaya ditahan selepas dikesan mencero boh dan menjalankan aktiviti perikanan secara haram pada Ahad.

Pengarah Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Kelantan, Kepten Maritim Erwan Shah Soahdi berkata, penahan-

an itu dibuat kira-kira 94 batu nautika dari Muara Tok Bali ketika kapal penguat kuasa menjalankan rondaan dalam Op Damai, Op Naga Barat dan Op Tiris.

"Kapal ini dikesan dalam keadaan mencurigakan pada jam 4.49 petang sebelum berjaya dipintas dan ditahan kira-kira 20 minit kemudian.

"Ketika didekati, kru kapal enggan memberi kerjasama dan cuba melarikan diri ke sempadan negara, sebelum anggota melakukan tindakan *force boarding*," katanya dalam satu kenyataan pada Selasa.

Menurut Erwan, pemeriksaan mendapati terdapat tiga kru termasuk tekong dipercayai warga Vietnam berusia antara 37 hingga 41 tahun.

"Pihak kami berjaya merampas 5,000 kilogram hasil laut, peralatan navigasi, komunikasi dan bekalan 600 liter diesel dengan anggaran nilai keseluruhan hampir RM1 juta.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 15(1)(a) Akta Perikanan 1985 kerana gagal mempamerkan sebarang dokumen kebenaran menangkap ikan di perairan Malaysia dan Seksyen 16(3) akta sama kerana tidak memaklumkan laluan, lokasi dan destinasi kapal," katanya.

Menurut Erwan, ketiga-tiga kru juga disiasat mengikut Seksyen 6(1)(c) Akta Imigresen 1959/63 kerana gagal mengemukakan dokumen pengenalan diri sah.

Dalam pada itu, Erwan berkata, proses membawa balik kapal nelayan asing ke Jeti Maritim Kelantan untuk siasatan dan tindakan lanjut mengambil masa 23 jam sebelum tiba di jeti jam 3.55 petang pada Isnin.

KAPAL NELAYAN ASING
Kapal nelayan asing membawa 5,000 kilogram hasil laut, peralatan navigasi, komunikasi serta 600 liter diesel dengan anggaran keseluruhan hampir RM1 juta ditahan pada Ahad.

ERWAN

BEREH BOH!




RINGKASAN :

Kapal nelayan asing ini dikesan oleh pihak berkuasa APMM dalam keadaan mencurigakan sebelum berjaya dipintas dan ditahan kira-kira 20 minit dan hasil pemeriksaan mendapati terdapat 3 kru termasuk tekong dipercayai warga Vietnam berusia antara 37 hingga 41 tahun.